



Gapura Ilmu Merentas Dunia

myLibrary

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

BILANGAN 23



Program SEMARAK KLWBC 2020 PERINGKAT UPM

Muka surat - 3



Majlis Pelancaran EKSA, PSAS

Muka surat - 5

Tinjauan Perkhidmatan OKU PSAS oleh YB. Senator Datuk Ras Adiba Radzi

Muka surat - 6



Pembuka Bicara

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Warga Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) menaruhkan tahun 2021 sebagai tahun mendepani cabaran dan peluang bagi memastikan perkhidmatan perpustakaan terus beroperasi demi mengukuhkan kepentingan dan peranan dalam penyediaan maklumat untuk warga universiti. Lanjutan kebiasaan norma baharu, semua perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan telah mula dibuka kepada pengguna dan berjalan dengan lancar seperti kebiasaan pada tahun ini. Tidak dinafikan, hasil merintis teknologi dan aplikasi dalam talian, ia kini dilihat membuahkan hasil kepada pengguna perpustakaan. Melalui koleksi perpustakaan

yang tersedia secara fizikal mahupun dalam talian, pengguna dapat memanfaatkan segala bahan rujukan ilmiah merentas pelbagai disiplin ilmu.

Pelbagai program telah mula diatur di PSAS pada tahun ini. Antara program yang telah dijayakan ialah Majlis Amanat Ketua Pustakawan 2021 dan Pelancaran EKSA PSAS, Program Literasi Maklumat dan Lawatan Jelajah Universiti oleh YB Senator Datuk Ras Adiba Radzi. Apabila Kuala Lumpur dinobatkan sebagai World Book Capital bagi tahun 2020 hingga April 2021 dengan slogan "KL Baca - caring through reading", PSAS telah merangka pelbagai aktiviti bagi menyokong objektif program ini iaitu

meningkatkan minat membaca dan akses perbukuan di Malaysia.

Keberkatan dari bulan Ramadhan dan Syawal telah mendidik warga PSAS lebih menginsafi, tekun dan penuh ikhlas dalam memberikan perkhidmatan dan kemudahan kepada pengguna. Semoga warga PSAS terus diberi Allah kesihatan yang baik dan mengamalkan kawalan sendiri dalam memerangi Covid-19.

Salam hormat.

NORFAEZAH KHOMSAN
Editor
norfaezah@upm.edu.my

Foto: Sumber Google

Isi Kandungan

BERITA UTAMA			
Program Semarak KLWBC 2020 Peringkat UPM	3	UPMLIB-Springer Nature Authorship Seminar – Webinar "How to Write & Get Published" Series 1	7
BERITA			
Warga PSAS Komited Dalam Melaksanakan EKSA	5	Program Literasi Maklumat Untuk Pelajar Pascasiswazah 2020/2021	8
Amanat Ketua Pustakawan 2021 : Melestari Perkhidmatan Perpustakaan Dalam Norma Baharu	6	Forum Sejarah Lisan: Melestari Khazanah Ilmu UPM	8
Tinjauan Perkhidmatan OKU PSAS oleh YB. Senator Datuk Ras Adiba Radzi	6	KOLEKSI PERPUSTAKAAN	
AKTIVITI PERPUSTAKAAN		Koleksi Sumber Elektronik di Perpustakaan Sultan Abdul Samad	9
Library Seminar on Publications: Quality Publication and Graduate on Time Using KSI Technique	7	RENCANA UMUM	
		Excellence in Research for Australia (ERA)	10
		Aktiviti Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) Secara Maya Semasa PKP	11
		Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad	12
		ULASAN BUKU	
		Karya Pemenang PSAS MCO Challenge 2.0	13
		AKTIVITI KELAB PSAS	
		Pilihanraya Jawatankuasa Induk Kelab PSAS 2021/2023	19
		Perginya Sebutir Permata PSAS	19
		Staf Baharu/Bersara (2020/2021)	19
		WAZAN	
		Projek Naik Taraf Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia	20

MyLibrary (Bilangan 23)



MyLibrary merupakan **Berita Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS)**, Universiti Putra Malaysia (UPM). Penerbitan ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan, kemudahan dan aktiviti di PSAS. Sila hantar sumbangan idea dan inspirasi kreatif anda bagi meningkatkan mutu penerbitan MyLibrary melalui saluran komunikasi berikut:

Ketua Editor MyLibrary
Bahagian Korporat dan Latihan Staf
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor.

Tel.: 03-97698607 / 7948
Faks: 03-97694773

Sidang Pengarang

Penaung
Muzaffar Shah Kassim

Penasihat
Roslan Ariffin

Ketua Editor
Azwana Ab. Rahman

Editor
Azizah Zainal Abidin
Norfaezah Khomsan
Mohd Dasuki Sahak
Nurdiana Mohd Kamal

Penulis
Staf PSAS

Jurufoto
Mohd Izarudin Idris

Pereka Grafik
Suzaini Mohamad Kasim

Pengedaran
Zaimah Saiful Yazan
Syarifah Mansor
Nur Farhana Abdullah
Mohd Fuad Omar
Noor Siti Aisyah Che Lah

BERITA UTAMA



Ahli Jawatankuasa Kerja KLWBC 2020 PSAS



Antara peserta Sesi Jom Baca Bersama 10 minit

Program SEMARAK KLWBC 2020 PERINGKAT UPM



Sesi Bicara Buku Bersama Penulis UPM - Perbezaan Karakter dan Tingkah Laku Berbahasa Generasi X dan Y oleh Dr Zaitul Azma

Serdang, 22 April - Jawatankuasa Kerja KLWBC 2020 peringkat Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Program Semarak KLWBC 2020 peringkat UPM pada 22 April 2021. Program telah diadakan secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom dan Facebook Live dengan dihadiri oleh 143 peserta mengikut norma baharu.

UNESCO telah mengiktiraf dan mengumumkan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 mulai 23 April 2020 sehingga 22 April 2021. Majlis penyerahan daripada kota Sharjah, United Arab Emirates (UAE) kepada Kuala Lumpur telah dilaksanakan pada 23 April 2020 yang lalu.

Objektif program ialah:

- Menyokong Kuala Lumpur sebagai Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC 2020) dengan melaksanakan program-program yang berkaitan.
- Memberi pendedahan kepada warga UPM mengenai KLWBC 2020.
- Memupuk minat membaca dalam kalangan warga UPM.
- Mencetuskan keterujaan warga UPM untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan secara digital.

Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah mantan pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi telah dijemput sebagai panel bagi Sesi Bicara Buku Bersama Penulis UPM: Perbezaan Karakter dan Tingkah Laku Berbahasa Generasi X dan Y. Di samping itu, Program Jom Baca

peringkat UPM turut diadakan. Ianya merupakan acara tahunan sempena sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia bagi memupuk budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Pada tahun ini, Program Jom Baca telah diadakan secara langsung di Facebook Jom Baca Perpustakaan Universiti Awam pada 22 April 2021 bersama 20 perpustakaan Universiti Awam.

Bagi memeriahkan Program Semarak KLWBC Peringkat UPM ini pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya Pertandingan Poster Jom Baca, Pertandingan Fotografi Beserta Kata-kata Pujangga, Online Treasure Hunt Competition, dan Kuiz Kahoot. Pertandingan ini telah menarik sebanyak 57 penyertaan yang terdiri daripada pelajar dan staf UPM. PSAS telah berkolaborasi dengan beberapa pihak antaranya PTS Media Group Sdn Bhd dan Springer Nature dalam menjayakan Pertandingan Fotografi Berserta Kata-kata Pujangga, Pertandingan Poster Jom Baca dan Kuiz Kahoot. Manakala Jawatankuasa Kerja KLWBC telah berbesar hati untuk menyumbang hadiah bagi Online Treasure Hunt Competition. Selain itu PSAS juga menganjurkan pertandingan ulasan buku khusus untuk staf PSAS iaitu MCO Challenge 2.0 bagi menggalakkan budaya membaca dalam kalangan staf. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Perkhidmatan, Cik Haslina Abu Seman.

Oleh: Salmah Abdullah dan Fatimah Zahrah Amran

Senarai pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

KUIZ KAHOOT

Tempat pertama: Muizzudin Kaspol
Tempat kedua: Nabilah Mustapa
Tempat ketiga: Muhammad Marwan Abdul Razak

PERTANDINGAN POSTER JOM BACA

Tempat Pertama: Loh Man Wei
Tempat Kedua: Awang Ahmad Faizi Awang Dahlan
Tempat Ketiga: Helena Sain

PERTANDINGAN FOTOGRAFI BERSERTA KATA-KATA PUJANGGA

Tempat Pertama: Nur Hidayah Saruni
Tempat Kedua: Nur Shazleen Ilyana Sharifuddin
Tempat Ketiga: Raudhatul Aqhilah Binti Yakob

ONLINE TREASURE HUNT COMPETITION

Pemenang Utama:
Aina Aisyah Mohammad Amin Woon

Pemenang Saguhati:

1. Nur Leffah Binti Muhammad Khalil
2. Dexter Chan Seng Fok
3. Nur Nashwa Alia Binti Khairudin
4. Divashene Natumaran
5. Lim Yih Wei

PSAS MCO CHALLENGE 2.0

Kategori Pengurusan dan Profesional

Tempat Pertama: Hanis Johari
Tempat Kedua: Mohd Dasuki Sahak
Tempat Ketiga: Norfaezah Khomsan


Kategori Pelaksana

Tempat Pertama: Nabilah Huda Pa'su
Tempat Kedua: Junaini Mohd Yusof
Tempat Ketiga: Wan Mustaqimah Mohd Mazuky

POSTER: PERTANDINGAN POSTER JOM BACA



Tempat Pertama



Tempat Kedua



Tempat Ketiga

FOTO: PERTANDINGAN FOTOGRAFI BERSERTA KATA-KATA PUJANGGA



Tempat Pertama



Tempat Kedua



Tempat Ketiga



Serdang, 19 Mac -Majlis Pelancaran Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah diadakan bertempat di Bilik Termasa, PSAS sebagai simbolik kepada permulaan pelaksanaan EKSA di PSAS. Pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pustakawan, Encik Muzaffar Shah Kasim selaku Penaung dan Penasihat EKSA. Seramai 125 orang staf PSAS telah menghadiri majlis yang diadakan secara fizikal dan maya.

Pelaksanaan EKSA di PSAS merupakan kesinambungan kepada amalan 5S yang telah dilaksanakan sejak tahun 2014. Dalam ucapan Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana EKSA PSAS, Puan Morni Yati Ibrahim menjelaskan EKSA merupakan penjenamaan semula amalan 5S yang sedia ada. Ia dapat membantu mengurus persekitaran kerja yang kondusif

(bersih, kemas dan selamat) di samping meningkatkan kreativiti dan produktiviti warga PSAS. EKSA juga secara tidak langsung dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan secara berkesan kepada pengguna perpustakaan.

Bagi mewarnai aktiviti EKSA di peringkat PSAS, satu pertandingan mencipta logo telah dianjurkan bagi memilih logo EKSA PSAS, dan telah dimenangi oleh Puan Siti Khairiah Yusof. Logo beliau dan Encik Mohd Shahril Jalaludin telah dipilih bagi mewakili PSAS dalam pertandingan mencipta logo peringkat UPM.

Rentetan daripada pelancaran EKSA tersebut, beberapa siri latihan telah dilaksanakan antaranya, Taklimat Panduan Pelaksanaan EKSA PSAS, Kursus Persediaan Juruaudit EKSA PSAS, Taklimat Kesedaran dan

Pembudayaan Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dan Bengkel Keseragaman EKSA PSAS. Aktiviti 30 Minutes Kick Off masih diteruskan secara bulanan di zon-zon EKSA dalam usaha membudayakan amalan EKSA di PSAS.


Pelbagai aktiviti lain turut dirancang oleh Jawatankuasa Pelaksana EKSA PSAS dari semasa ke semasa bagi membuktikan iltizam warga PSAS dalam menjayakan pelaksanaan EKSA dan seterusnya menyerlahkan lagi keterlihatan PSAS di peringkat Universiti.

Oleh Norhafizah Abdul Latif, Nur Hidayah Saruni, Mohd Badrul Hisham Basro dan Morni Yati Ibrahim



Simbolik Pelancaran EKSA, Perpustakaan Sultan Abdul Samad

Taklimat Kesedaran dan Pembudayaan Amalan EKSA PSAS pada 1 April 2021 yang disampaikan oleh Puan Shamrizah Shari dari Pusat Jaminan Kualiti UPM



Kursus Persediaan Juruaudit EKSA PSAS pada 26 Februari 2021 dikendalikan oleh Puan Azwana Ab Rahman, Fasilitator EKSA PSAS



Logo EKSA PSAS

Amanat Ketua Pustakawan 2021: Melestari Perkhidmatan Perpustakaan Dalam Norma Baharu



Encik Muzaffar Shah Kasim, Ketua Pustakawan PSAS menyampaikan amanat tahun 2021

Gambar berkumpulan peserta yang hadir secara dalam talian

Serdang, 12 Mac - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah mengadakan Majlis Amanat Ketua Pustakawan 2021 dan Pelancaran EKSA PSAS dengan tema "Melestari Perkhidmatan Perpustakaan Dalam Norma Baharu".

Ketua Pustakawan, Encik Muzaffar Shah Kasim dalam ucapan beliau telah membentangkan pencapaian tahun 2020 termasuk pencapaian bagi Petunjuk Prestasi Utama, Piagam Pelanggan, penajaan pendapatan PTJ serta inisiatif penyampaian maklumat kepada pengguna semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Beliau turut memaklumkan bahawa "Projek Naik Taraf Ruang Bacaan Blok B" akan diteruskan dalam usaha menyediakan persekitaran kondusif kepada pengguna. Kontrak menyiapkan projek

ini telahpun ditawarkan kepada kontraktor terpilih dan dijangka siap pada bulan Julai 2021.

Beliau turut berkongsi perkembangan bidang kepustakawanan di peringkat nasional, antaranya pembentukan Konsortium Sumber Elektronik Pendidikan Tinggi (KONSEPT). KONSEPT merupakan inisiatif kolaborasi antara Bahagian Sitisasi dan Infometrik (BSI), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan Jawatankuasa Ketua Pustakawan Universiti Awam (JKPUA). Ia merupakan platform perkongsian sumber maklumat ilmiah dalam ekosistem pengajian tinggi dan akan dapat menyelesaikan masalah peningkatan kos langganan sumber elektronik dalam kalangan perpustakaan Universiti Awam.

Manakala selaras dengan Sambutan Perayaan Jubli Emas UPM sempena 50 Tahun Penubuhan Universiti Putra Malaysia, PSAS telah merancang untuk mewujudkan galeri dan pameran bertemakan sejarah dan pencapaian UPM. PSAS turut dilihat berpotensi sebagai pusat bagi pengumpulan bahan sejarah lisan UPM.

Di akhir ucapannya, beliau menzahirkan ucapan tahniah dan selamat maju jaya kepada semua warga PSAS untuk terus mendokong aspirasi universiti walaupun menghadapi pelbagai kesan daripada pandemik Covid-19.

Oleh Norfaezah Khomsan,
Azwana Ab Rahman dan Azizah Zainal Abidin

Tinjauan Perkhidmatan OKU PSAS oleh YB Senator Datuk Ras Adiba Radzi



Sesi demonstrasi mesin braille oleh Pustakawan Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat, Encik Mohd Afiq Rusly

Ketibaan YB Senator Datuk Ras Adiba Radzi diiringi urus setia dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Dr Arifin Abdu disambut oleh Ketua Pustakawan dan pihak pengurusan PSAS

Penyampaian cenderahati penghargaan daripada PSAS kepada YB Senator Datuk Ras Adiba Radzi

Serdang, 8 April - Keprihatinan Senator Datuk Ras Adiba Radzi dalam memastikan ketersediaan infrastruktur mahasiswa Orang Kurang Upaya (OKU) di institusi pendidikan awam dan swasta menjadi objektif utama lawatan YB Senator ke Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia dalam siri Jelajah Universiti.

Kunjungan YB Senator telah disambut oleh Ketua Pustakawan, Encik Muzaffar Shah Kassim dan pihak pengurusan PSAS. Beliau telah melawat dan menyaksikan

demonstrasi penggunaan mesin Braille di Bilik Perkhidmatan Braille yang terletak di Unit Media, Bahagian Media, Arkib dan Pemuliharaan PSAS. Kemudahan ini disediakan bagi membantu pengajaran dan pembelajaran pelajar yang menghadapi masalah penglihatan. Pustakawan PSAS, Encik Mohd Afiq Rusly, dalam sesi demonstrasi telah membuat cetakan braille nukilan puisi yang ditulis oleh Datuk Ras Adiba dan semua tetamu berpeluang menghayati lantunan puisi 'Kasih' yang disampaikan secara spontan oleh YB Senator.

Sepanjang sesi lawatan, YB Senator turut menyatakan hasrat bagi menambah baik kemudahan OKU di UPM. Warga PSAS menzahirkan penghargaan di atas kunjungan YB Senator ke PSAS yang merupakan kunjungan kedua setelah menjadi tetamu pada Hari Terbuka PSAS tahun 1994.

Oleh Norfaezah Khomsan,
Mohd Dasuki Sahak, Azwana Ab Rahman dan Azizah Zainal Abidin

AKTIVITI PERPUSTAKAAN

**LIBRARY SEMINAR ON PUBLICATION:
QUALITY PUBLICATION AND GRADUATE
ON TIME USING KSI TECHNIQUE**

DATE 24th Mac 2021

TIME 10.00am - 12.00pm

<https://tinyurl.com/uf3z2j5d>

Meeting ID: 989 1292 9719
Passcode: KSI2021

FREE

"With Knowledge We Lead"
#UPM5dekad #JubliEmasUPM #50TahunUPM #Read@Uni
#MalaysiaMembaca #UPMMembaca #KLWBC2020

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN



Associate Professor Dr. Md Kamal Uddin, Department of Land Management, Faculty of Agriculture, UPM

- PhD, 2010 (Agronomy) UPM
- Total publications: 93
- Total book: 11
- Teaching and research experience: 18 years
- Post Doctoral Fellow and Research Fellow at the Institute of Tropical Agriculture, UPM from 2011 to 2013

ENQUIRIES ab_liza@upm.edu.my
azizahza@upm.edu.my

[@upmlib](#) [@upmlibrary](#) [@upmlibrary](#)

Serdang, 24 March - Perpustakaan Sultan Abdul Samad, (PSAS) in collaboration with the Faculty of Agriculture has successfully organized a Library Seminar on Publication entitled "Quality Publication and Graduate on Time using KSI Technique". The workshop covers the KSI Techniques in the writing process of introduction, literature review,

methodology, results, and discussion:

1. Thesis introduction and problem statement writing using KSI Technique
2. Thesis literature review and discussion writing using KSI Technique
3. Research article and review article writing using KSI Technique

The seminar was attended by 102 participants which comprised of students, lecturers, researchers and staff of UPM via Zoom Meeting application. The 2 hours seminar was conducted by Dr Md. Kamal Uddin, Senior Lecturer of the Faculty of Agriculture, UPM.

By Liza Ab Liah



UPMLIB-SPRINGER NATURE AUTHORSHIP SEMINAR Webinar "How to Write & Get Published" Series 1

Springer Nature and Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM are hosting an online author workshop for researchers and students in understanding manuscript writing and paper submission.

DATE: 7th April, 2021 (Wednesday) **TIME:** 2:30pm - 4:30pm

SPEAKER:
Dr. Suvira Srivastav, Editorial Director Journals, Springer Nature

Suvira Srivastav is the editorial director journals and leads Mathematics, Physical & Applied Sciences Journals of India and Computer Science in Asia-Pacific.

Please register your attendance here

If there is any question, please address to Pn Liza Ab Liah (ab_liza@upm.edu.my)

[@upmlib](#) [@upmlibrary](#) [@upmlibrary](#)

With Knowledge We Lead

#UPM5dekad #JubliEmasUPM #50TahunUPM #Read@Uni #MalaysiaMembaca #UPMMembaca #KLWBC2020

UPMLIB-Springer Nature Authorship Seminar – Webinar "How to Write & Get Published" Series 1

Serdang 7 April - Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia (UPM) and Springer Nature co-organized UPMLIB-Springer Nature Authorship Seminar "How to Write and Get Published" Series 1. The objectives of the seminar is to understand: How to Restructure Research Paper and Find a Suitable Journal; What are the Questions When Making a Submission; and The Efficient Publication Strategy. The seminar will ultimately support students, lecturers and researchers in getting their findings published.

The Webinar session was attended by 264 participants comprised of students, lecturers, researchers and staff of UPM via GoToMeeting application. Dr. Suvira, Editorial Director Journal, Springer Nature was invited as the speaker. Among the topics discussed were Predatory Journal; Tips to Improve Manuscript Writing; Publications Ethics and more. It is hoped that the Webinar session has benefited those interested to write better quality manuscript and publishing in high impact publications.

By Liza Ab Liah

Library INFORMATION LITERACY PROGRAMME

For New Postgraduate Students
Second Semester 2020/2021

Date : 29th March - 9th April 2021

Time : 10.00AM - 12.00PM | 2.30PM - 4.30PM

- Module:**
- Introduction to the Library
 - Information Search Strategy
 - Mendeley : Beginner
 - Turnitin : Student
 - Citation Indexed Journal
 - Online Database

Register NOW
Please refer to the programme schedule



Program Literasi Maklumat Untuk Pelajar Pascasiswazah 2020/2021

Serdang, 19 April - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) meneruskan pelaksanaan Program Literasi Maklumat (PLM) secara dalam talian berikutan penularan pandemik Covid-19 yang masih belum reda bagi memudahkan para pelajar menyertainya. Seramai 2,247 peserta yang terdiri daripada pelajar pascasiswazah, pascasiswazah, pensyarah dan staf UPM telah menyertai PLM yang dijadualkan sepanjang bulan Januari sehingga April 2021. Program

ini meliputi Kelas Selasa yang diadakan setiap bulan bermula bulan Januari sehingga Mac 2021, diikuti Kelas Pascasiswazah Baharu Semester 2 sesi 2020/2021 (29 Mac - 9 April 2021) dan Kelas Pangkalan Data oleh Penerbit (12 - 16 April 2021). Enam modul utama telah digunakan dalam PLM ini iaitu Pengenalan Perpustakaan, Strategi Pencarian Maklumat, Turnitin, Citation Indexed Journal, Pangkalan Data Dalam Talian dan Mendeley: Asas.

Kehadiran pelajar ke PLM ini diharapkan dapat meningkatkan kemahiran pencarian maklumat bagi membantu pembelajaran dan penyelidikan dalam kalangan pelajar, dan seterusnya meningkatkan penggunaan pangkalan data langganan.

Oleh: Rusniah Sayuti

Forum Sejarah Lisan: Melestari Khazanah Ilmu UPM

Serdang, 11 Mac - Inisiatif bagi meningkatkan kesedaran berkaitan kepentingan sejarah lisan dalam sejarah universiti telah mendorong Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) untuk menganjurkan "Forum Sejarah Lisan: Melestari Khazanah Ilmu UPM".

Ketua Pustakawan, Encik Muzaffar Shah Kassim, di dalam ucapan aluannya turut menzahirkan hasrat perpustakaan untuk menggerakkan aktiviti pengumpulan Sejarah Lisan bagi mengumpul khazanah dari alumni UPM. Beliau berharap dengan penganjuran forum ini akan dapat memberi kefahaman berkaitan peranan perpustakaan dalam pengurusan bahan Sejarah Lisan. Sejarah Lisan dilihat penting bagi pengkisahan semula sejarah dan menjadi sokongan kepada sumber-sumber bertulis.

Ahli Panel, Puan Radia Banu Jan Mohamad, Timbalan Ketua Pustakawan, Perpustakaan Hamdan Tahir, Universiti Sains Malaysia (USM) turut menekankan peranan dan kepentingan perpustakaan dalam mengumpul dan menyimpan koleksi bahan Sejarah Lisan. Perkongsian pengalaman dan amalan terbaik yang telah dilaksanakan di Perpustakaan USM dilihat banyak memberi input dan panduan kepada PSAS. Beliau juga berhasrat untuk meneroka kerjasama Universiti Awam dalam aktiviti Sejarah Lisan pada masa akan datang. Manakala seorang lagi panel, Encik Fahmi Azar Mistar, Timbalan Pengarah Pusat Perhubungan Alumni, UPM turut menyokong objektif pengumpulan Sejarah Lisan bagi memelihara sejarah UPM dan melihat ruang kerjasama yang boleh diteruskan sebagai satu agenda Universiti. Terdapat banyak aktiviti yang telah dijalankan di Pusat Perhubungan Alumni dan beliau melihat beberapa cabang idea yang boleh dikembangkan bersama PSAS.

Seramai 176 orang peserta dalam talian yang terdiri dari warga UPM dan umum telah didedahkan kepada proses dapatan bahan sejarah lisan dan kaedah penyimpanan yang sesuai. Forum selama 2 jam yang dikendalikan oleh Puan Azana Abd Hadi, Pustakawan Kanan, PSAS sebagai moderator ini diharap dapat memberi cetusan idea dan menjadi penggerak pengumpulan Sejarah Lisan UPM selaras dengan Sambutan Perayaan Jubli Emas UPM sempena 50 Tahun Penubuhan Universiti Putra Malaysia.


Oleh Norfaezah Khomsan, Azwana Ab Rahman dan Azizah Zainal Abidin



Penyampaian cenderahati dari Cik Haslina Abu Seman, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PSAS kepada Encik Fahmi Azar Mistar



Encik Fahmi Azar Mistar menerangkan antara inisiatif Pusat Perhubungan Alumni dalam mengumpul sejarah alumni UPM



Perkongsian daripada Puan Radia Banu Jan Mohamad dalam pengkisahan sejarah lisan dan antara inisiatif terkini Perpustakaan USM

KOLEKSI SUMBER ELEKTRONIK DI PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD



SUMBER ELEKTRONIK

Pangkalan Data	Portal eTheses	Portal Informasi	Portal Sumber Maklumat Pertanian
<ul style="list-style-type: none"> Portal EZAccess Pangkalan Data / Jurnal Langganan oleh PSAS Pangkalan Data / Jurnal Langganan oleh Bahagian Silasi dan Infometrik (BSI) Buku Elektronik (eBuku) Langganan Directory of Open Access Journals (DOAJ) Jurnal Akses Terbuka MyJurnal 	<ul style="list-style-type: none"> Portal UPM eTheses (intranet) Open Access Theses and Dissertations The Networked Digital Library of Theses and Dissertations (NDLTD) ProQuest Dissertations & Theses (PQDT) Malaysian Thesis Online (MyTO) 	<ul style="list-style-type: none"> UPM Institutional Repository (UPMIR) AUN/LO Institutional Repository Discovery Service Portal Courses@Lib Portal PSAS Publications (PSASPUB) Portal Hub Maklumat Penyelidikan PSAS Portal UPM-SAGE Publications Portal Subject Guides Portal UPM Data Bank 	<ul style="list-style-type: none"> Pangkalan Data AGRIS (Malaysia) Pangkalan Data AGRIS (FAO) Portal Agri@UPM Portal MyAGRIC

Serdang, 8 Mac - Pada era ini, sumber bahan maklumat secara elektronik menjadi sumber utama bagi koleksi perpustakaan selain koleksi bahan bercetak. Sumber elektronik merujuk kepada bahan yang memerlukan akses kepada sistem pengkomputeran, sama ada melalui komputer peribadi, telefon bimbit atau peranti mudah alih.

Penularan pandemik Covid-19 sejak awal 2020, terbukti telah meningkatkan penggunaan sumber elektronik PSAS sebanyak 108.6% berbanding tahun 2019. Ini kerana, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan di seluruh negara telah menghadkan kunjungan secara fizikal ke perpustakaan oleh pengguna. Oleh itu, pengguna telah menggunakan secara optimum sumber elektronik yang ditawarkan oleh pihak Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Terdapat pelbagai sumber elektronik yang dilanggan dan dibangunkan sendiri oleh PSAS. Melalui laman web PSAS, Terdapat laman sumber elektronik yang ditawarkan oleh PSAS kepada warga UPM, antaranya ialah Pangkalan Data, Portal eTheses, Portal Informasi, Portal Sumber Maklumat Pertanian, Portal Panduan Pustakawan, Inisiatif PERPUN, Jurnal Akses Terbuka dan Coronavirus Disease (COVID-19).

Melalui kemahiran teknologi maklumat yang dimiliki oleh pustakawan PSAS, terdapat sumber elektronik yang dibangunkan sendiri oleh perpustakaan seperti Malaysian Thesis Online (MyTO), UPM Institutional Repository (UPMIR), Portal Hub Maklumat Penyelidikan PSAS, Portal UPM-SAGE Publications, Portal Subject Guides, Portal UPM Data Bank dan Portal Coronavirus Disease (COVID-19). Manakala, sumber elektronik yang dilanggan

dengan pihak pembekal ialah pangkalan data seperti Science Direct, Sage Journals Online, Oxford Journal Online, Emerald dan beberapa lagi.

Kesimpulannya, *e-resources* atau sumber elektronik merupakan satu perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan untuk memudahkan akses kepada pengguna dalam pencarian maklumat, khususnya ketika negara menghadapi pandemik Covid-19. Perpustakaan kini bukan hanya boleh diakses secara fizikal malah boleh diakses secara digital pada bila-bila masa sahaja.

Oleh: Ainul Farah Binti Mohd Fahimey dan Ika Farah Hana Binti Mohammad Alwi (Pelajar Latihan Industri UiTM)



Portal UPMIR





Portal Subject Guides

HOME VIEW ERA LISTING LATEST LIST 2018

Excellence in Research for Australia (ERA)

Excellence In Research for Australia (ERA) is national assessment exercise managed by the Australian Research Council (ARC), which aims to identify and promote excellence across the full spectrum of research activity occurring within Australia's higher education institutions.

VISIT THE OFFICIAL ERA WEBSITE

ERA UPM © 2021
Systems & Information Technology Division
Sultan Abdul Samad Library (PSAS), UPM

ERA adalah inisiatif Excellence in Research for Australia. Ianya dibangunkan oleh Majlis Penyelidikan Australia (ARC) bersama dengan Jabatan Inovasi, Industri, Sains dan Penyelidikan yang bertujuan untuk mengenal pasti dan mempromosikan kecemerlangan aktiviti penyelidikan di Australia dalam semua bidang penyelidikan termasuk penemuan, eksperimen dan gunaan. ERA mula menerbitkan senarai jurnal mereka buat pertama kalinya pada tahun 2010, diikuti pada tahun 2012, 2015 dan terkini adalah 2018. Scopus menjadi penyedia data petikan untuk tiga senarai ERA yang terawal. Manakala bagi ERA 2018, penyediaan petikan adalah Web of Science (WoS), yang dihasilkan oleh Clarivate Analytics. Senarai jurnal ERA yang seterusnya dijangka akan disediakan pada tahun 2023.

Selain daripada Scopus dan WoS, senarai jurnal yang terdapat di dalam ERA juga termasuk dalam kriteria penerbitan yang dinilai di dalam Malaysia Research Assessment

Instrument II (MyRA@ II). MyRA merupakan satu sistem komprehensif yang dibangunkan bagi menilai keupayaan dan prestasi penyelidikan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia.

Sekolah Pengajian Siswazah (SPS), Universiti Putra Malaysia hanya menyenaraikan SCOPUS dan JCR sahaja sebagai kategori Citation Indexed Journal (CIJ) bagi syarat bergraduat bagi pelajar Master dan PhD dengan Penyelidikan. Walau bagaimanapun, pada November 2020 pihak SPS telah mengemaskini syarat bergraduat tersebut dengan menyenaraikan ERA di dalam kategori CIJ.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat dengan kerjasama Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) mengambil inisiatif dengan mewujudkan satu platform yang

menyenaraikan senarai jurnal ERA bermula tahun 2012-2018. Platform ini siap sepenuhnya pada 6 Februari 2021 dan dapat di akses melalui url <http://era.upm.edu.my/>.

Tujuan utama platform ini diwujudkan adalah bagi membantu para pelajar, pensyarah, penyelidik dan seluruh komuniti dalam dan luar UPM bagi mendapatkan senarai jurnal yang berkaitan dalam membantu mereka memilih jurnal yang berkualiti dan berimpak tinggi untuk penerbitan terutama dalam bidang Sains Sosial.

Platform ini akan ditambah baik dari masa ke semasa. Diharapkan platform ini akan dapat membantu para pelajar, pensyarah dan penyelidik UPM untuk meningkatkan proses pembelajaran, pengajaran serta penyelidikan yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Oleh Khairil Ridzuan Khahirullah

ERA UPM
ERA Listing

ID	JOURNAL TITLE	SUBJECT 1	SUBJECT 2	SUBJECT 3	ISSN 1	ISSN 2	ISSN 3	ISSN 4	YEAR
2320	Asian Journal of Social Science	Multidisciplinary			0303-0246	1500-4049	1500-5314		2012
23816	Asian Journal of Social Science	Multidisciplinary			0303-0246	1500-4049	1500-5314		2015
43400	Asian Journal of Social Science	Multidisciplinary			0303-0246	1500-4049	1500-5314		2018

© 2021 ERA UPM

Contoh hasil carian ERA UPM



Foto: Sumber Google

Aktiviti Perpustakaan Sultan Abdul Samad secara maya semasa PKP

Semenjak bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun lalu, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengorak langkah mengadakan aktiviti secara dalam talian kepada warga UPM. Pandemik Covid-19 tidak menjadi halangan kepada pihak PSAS untuk kekal mengadakan aktiviti bersama pengguna dan staf dengan sebaik mungkin bagi menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran, dan penyelidikan.

Secara dasarnya, terdapat pelbagai aktiviti perpustakaan yang dijalankan secara dalam talian sewaktu PKP seperti Program Literasi Maklumat (PLM), kursus staf, dan program rasmi jabatan secara dalam talian. Terdapat tiga program literasi maklumat yang berjaya diadakan secara dalam talian seperti Sesi Pengenalan Perpustakaan, Kelas Berjadual dan Kelas Permohonan. Pustakawan dan wakil daripada

pihak pembekal dijemput untuk mengendalikan program literasi ini dan sambutan yang diterima amat menggalakkan daripada warga UPM.

Dalam pada itu, PSAS juga mengadakan kursus kepada staf secara dalam talian bagi memenuhi keperluan latihan seperti taklimat, seminar, dan bengkel. Akhir sekali, PSAS juga mengadakan program rasmi jabatan secara dalam talian kepada semua staf PSAS seperti Majlis Amanat Ketua Pustakawan dan Majlis Pelancaran EKSA PSAS.

Oleh Hurun Ain Zahrah dan Khairunnisa Mustapakama (Pelajar Latihan Industri UiTM)

PROGRAM COVID TALK : KITA BELUM MENANG

Program yang dianjurkan oleh Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM ini bertujuan untuk memberi ketahanan dan memastikan disiplin warga UPM sebagai langkah pencegahan mengurangkan penularan virus Covid-19. Para peserta juga akan dibekalkan dengan langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya dijangkiti Covid-19.

PENERACAMAH
Prof. Madya Dr. Malina Osman
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

CPD LATIHAN UNTUK STAFF UPM
• 2 Jam

TARIKH | MASA | APLIKASI
• 26 Jan 2021 (Selasa)
• 10.00 pagi - 12.00 tengah hari
• Aplikasi Zoom

TERKUALITI

Perkembangan teknologi memberi peluang dan alternatif kepada pelaksanaan majlis secara bermusyawarah di dalam talian yang berkesan.

MAJLIS SECARA MAYA
• Alternatif terbaik dalam tempoh pandemik
• Mengurangkan isu logistik seperti lokasi dan bilangan perjalanan
• Pengurangan risiko yang berketul membekalkan majlis dilaksanakan dengan baik

MAJLIS SECARA HYBRID
• Melibatkan pelaksanaan konsep majlis hibrid dan secara maya
• Keperluan bagi majlis yang memerlukan lokasi dan berpusat serta pengurangan dari pergelangan lokasi
• Pengurangan lebih kompleks kerana melibatkan dua situasi iaitu infrastruktur fizikal dan digital

Jenis-Jenis Perisian & Sistem Aplikasi

KURSUS PENGENDALIAN PROGRAM / MAJLIS SECARA DALAM TALIAN

Anjuran Perpustakaan Sultan Abdul Samad

PENERACAMAH
Cik Nurzaima Darsus

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran penyelaras dan urusetia dalam mengendalikan program / majlis secara dalam talian. Program juga diharap akan membantu peserta memahami dan mengaplikasikan teknik dan etika profesional dalam menganjurkan program secara dalam talian.

26 Feb 2021 (Jumaat) | 10.00 pagi - 12.00 tengah hari | Aplikasi Dalam Talian (Zoom)

Antara aktiviti yang dianjurkan oleh PSAS secara dalam talian kepada warga UPM

PERKHIDMATAN SOKONGAN PENYELIDIKAN DI PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD



PENYELIDIKAN

Sumber Maklumat Penyelidikan	Solusyen Perkhidmatan Penyelidikan	Must Turun Borang Penyelidikan
<ul style="list-style-type: none"> Universiti Putra Malaysia Institutional Repository (UPMIR) PSAS Research Information Hub Portal Panduan Subjek Portal UPM Data Bank Portal UPSAGE 	<ul style="list-style-type: none"> Mengenal Kami Waktu Perkhidmatan Pustakawan Penyelidik 	<ul style="list-style-type: none"> Borang Pengesahan Status Jurnal Borang Verifikasi Harta Intelektual Borang Permohonan Verifikasi Prestasi Penerbitan

Pada akhir 2019, pandemik COVID-19 telah melanda negara dan memberi impak negatif kepada semua sektor di Malaysia termasuk aktiviti penyelidikan. Namun demikian, institusi-institusi akademik telah membuat inisiatif yang berterusan agar aktiviti penyelidikan terutama sekali di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dapat terus dijalankan. Universiti Putra Malaysia (UPM) yang merupakan salah sebuah universiti penyelidikan di Malaysia juga antara yang turut membuat inisiatif memberi perkhidmatan bagi menyokong aktiviti penyelidikan secara fizikal dan maya.

Dalam meningkatkan infrastruktur dan sumber perolehan maklumat penyelidikan sepanjang pandemik Covid-19, Perpustakaan Abdul Samad (PSAS) telah menyediakan perkhidmatan penyelidikan yang khusus untuk para pelajar, pensyarah dan penyelidik. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah sesi perundingan bagi memperolehi sumber maklumat penyelidikan/penerbitan; Program Kemahiran Penyelidikan dan Penerbitan (Authorship Workshop); Perkhidmatan Verifikasi Jurnal yang membantu pelajar dan staf UPM dalam memilih jurnal berilmiah yang betul dan tepat bagi tujuan penerbitan; Perkhidmatan Verifikasi Penerbitan Artikel Dalam Citation Index Journal (CIJ) Untuk Kenaikan Pangkat Pegawai UPM; Perkhidmatan Data Mikro, Jabatan Perangkaan Malaysia bagi 6 modul iaitu Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah,

Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah, Penyiasatan Tenaga Buruh, Banci Penduduk & Perumahan, Pembuatan Tahunan, Survey Gaji dan Upah serta beberapa perkhidmatan lagi.

Walaupun terdapat pelbagai kekangan akibat pandemik Covid-19, komuniti UPM masih boleh mendapatkan perkhidmatan penyelidikan di PSAS bagi membantu dan menyokong aktiviti penyelidikan mereka. PSAS turut menyediakan Hub Maklumat Penyelidikan PSAS yang merupakan portal maklumat setempat khusus menyediakan kepelbagaian kemudahan berkaitan dengan laporan / analisis penerbitan UPM, panduan menjalankan penyelidikan dan panduan sebelum menerbitkan artikel penyelidikan. Malah pelbagai maklumat berkaitan perkhidmatan sokongan penyelidikan boleh diperolehi di Portal ini.

Dalam pada itu, PSAS juga menawarkan perkhidmatan Kajian Perpustakaan yang bertujuan bagi mengumpul maklumat penting berkaitan dengan perpustakaan serta melakukan aktiviti penilaian mengenai perkhidmatan yang dijalankan. Kajian perpustakaan ini dilaksanakan setiap tahun yang melibatkan semua Pustakawan Penyelidikan di Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat, PSAS.

Pada waktu yang sama, PSAS turut

menerbitkan Siri Prestasi Penerbitan UPM yang memaparkan maklumat terperinci berkaitan faktor impak jurnal, kuartil dan bilangan pengarang yang bekerjasama dalam penulisan artikel mengikut Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Putra Malaysia dan Siri Prestasi Penerbitan Pertanian UPM menyenaraikan penerbitan yang telah dihasilkan oleh pegawai-pegawai UPM di dalam bidang pertanian iaitu bidang Sains Pertanian dan Biologi, Sains Alam Sekitar dan Veterinar. PSAS juga berkolaborasi dengan penerbit Springer-Nature dalam penerbitan PSAS Lib-Link kepada pengguna. Buletin ini diterbitkan 2 isu setahun iaitu pada bulan Jun dan Disember sebagai medium tambahan penyaluran maklumat kepada komuniti UPM.


Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat telah memberi banyak kelebihan dan impak yang besar kepada perkhidmatan PSAS dalam usaha untuk memenuhi keperluan komuniti UPM terutamanya berkaitan penyelidikan. Perkhidmatan ini juga meningkatkan visibiliti PSAS di UPM.

Oleh Farah Hanisah Mohd Zin, Nur Wahidatul Azwa Abdul Manaf (Pelajar Latihan Industri UiTM)

KARYA PEMENANG PSAS MCO CHALLENGE 2.0

TEMPAT PERTAMA

Kategori: Pengurusan dan Professional
 Nama: Hanis Bin Johari
 Tajuk: 100 Jejak Peribadi Rasulullah



“Oleh itu, perbaiki diri dengan berpandukan al-Quran dan sunnah. Jangan hipokrit iaitu hanya pandai bercakap, tetapi tidak buat. Rasulullah SAW mempunyai nilai integriti terbaik melalui akhlaknya.”

MAKLUMAT BUKU

Judul Buku: **100 Jejak Peribadi Rasulullah (Menelusuri Kehebatan Akhlak Rasulullah Junjungan Besar Muhammad SAW)**
 Pengarang: **Muhd Nasruddin Dasuki**
 Tahun diterbitkan: **2013**
 Penerbit: **Grup Buku Karangkrak Sdn Bhd**
 ISBN: **978-967-86-0411-6**
 Bahasa muka surat: **372**
 Bahasa: **Bahasa Melayu**
 Kategori: **Motivasi Islamik**

ULASAN BUKU

Bilangan perkataan: **678 patah perkataan**

PENDAHULUAN

Penulis menggunakan pendekatan al-Quran untuk dijadikan panduan dalam mencari idea dan tajuk buku yang dihasilkan. Buku ini menghimpunkan 100 contoh perlakuan peribadi unggul dan berkualiti yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. Pada sudut pandangan saya, apa yang dipaparkan di dalam buku ini keperibadian Rasulullah SAW dapat dijadikan contoh teladan yang sewajarnya kita jejak seperti melakukan amal kebaikan dan kebajikan.

ISI KANDUNGAN

Penulis menggunakan teknik penerangan dan pendedahan. Buku ini mengandungi 10 bab dan setiap bab di dalam buku ini menerangkan dengan terperinci tentang sifat sifat keperibadian Rasulullah yang dapat dijadikan sebagai motivasi dalam kehidupan seharian. Gaya penulisan yang jelas dan mudah difahami amat sesuai dijadikan panduan untuk setiap peringkat umur. Teknik definisi dan penerangan yang menarik menimbulkan rasa cinta dan rindu kita kepada Rasulullah.

Natijahnya, kita akan lebih mengagumi sifat keperibadian Nabi dan buku ini banyak berunsurkan nasihat dari segi percakapan, perbuatan, jasmani dan rohani.

Buku ini penulis banyak menyentuh tentang kehebatan akhlak Rasulullah seperti bersifat pemaaf, suka mengajak orang kearah kebaikan, melaksana keadilan dan mengingatkan supaya umatnya meninggalkan kemungkaran dan kekejian. Dalam buku ini juga banyak memberikan contoh kisah-kisah Rasulullah dari segi pergaulan Nabi boleh bergaul dengan siapa sahaja sama ada dari peringkat kanak-kanak, golongan remaja dan tua. Apabila bertemu Rasulullah akan memberi salam dan baginda juga seorang yang sangat menepati janji. Contohnya, Rasulullah SAW telah berjanji untuk bertemu seseorang di suatu tempat, namun apabila orang itu tidak datang Rasulullah sanggup menunggu sehingga dua hari. Baginda juga seorang yang amanah dan jujur sejak zaman remaja lagi. Ini dapat dibuktikan apabila Rasulullah SAW diamanahkan untuk menjalankan perniagaan Siti Khadijah sehingga membawa keuntungan dan akhirnya baginda bergelar al-amin. Oleh itu, melalui pembacaan ini kita dapat jadikan contoh teladan dan diamalkan dalam kehidupan seharian sebagai seorang pekerja atau pemimpin.

Di samping itu, penulis turut menyelitkan setiap bab dengan hadis dan makna dari ayat al-Quran untuk kita lebih memahami serta menghayati. Adab-adab, kelebihan dan kaedah dalam aspek tertentu juga ada disampaikan. Antaranya, adab berzikir, kelebihan berpuasa, beristighfar dan kaedah menghormati ibu bapa, meluangkan waktu bersama keluarga. Malahan, pada akhir setiap bab penulis juga akan memberikan pengajaran dan mutiara kata sesuai dengan situasi masa kini. Kelebihan buku ini juga penulis ada menyertakan senarai sumber rujukan dari buku-buku lain dan ilustrasi gambar untuk menarik minat pembaca.

Rasulullah S.A.W sangat perihatin dengan ummahnya. Dalam hadis yang diriwayatkan Bukhari dan At-Tirmidzi, Rasulullah SAW

mendahulukan tetamu, kemudian sahabatnya, Abu Hurairah RA untuk minum susu. Ketua yang prihatin akan mendahulukan pekerjaannya untuk ganjaran dan kebajikan sebelum dirinya. Ia akan menambahkan kepercayaan orang bawahan terhadap ketua tersebut. Ketua juga sanggup mengambil risiko untuk menyelamatkan pekerjaannya. Contohnya, kisah Ali R.A. berlingdung di belakang Rasulullah S.A.W ketika Perang Badar, sedangkan baginda SAW paling dekat dengan musuh.

Malah, Rasulullah SAW selalu bersabda benar sebelum menjadi nabi dan rasul. Oleh itu, kaum Quraisy di Makkah mempercayai baginda SAW. Oleh itu, perbaiki diri dengan berpandukan al-Quran dan sunnah. Jangan hipokrit iaitu hanya pandai bercakap, tetapi tidak buat. Rasulullah SAW mempunyai nilai integriti terbaik melalui akhlaknya. Ini sebagaimana disebut dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21. Nabi Muhammad SAW bersifat introvert. Kurang bercakap lebih banyak mendengar. Ini berbeza dengan sifat pemimpin yang ekstrovert biasanya banyak bercakap tetapi kurang mendengar. Baginda SAW juga tidak bermegah dalam berpakaian, tetapi cukup sekadar pakaian yang sederhana. Hari ini kita gemar meniru cara orang lain dalam pelbagai aspek. Untuk mencontohi Rasulullah SAW, kita perlu sentiasa 'memasakkan' dalam pemikiran kita untuk menjadi nombor satu. Tidak perlu tiru sesiapa, tapi jadilah diri sendiri.

KESIMPULAN

Akhir kata, saya merasakan buku ini dapat membantu memperkasa kualiti diri selaras dengan apa yang Rasulullah amalkan, sentiasa istiqamah dan unggul dengan keperibadiannya. Ia sepatutnya menjadi ikutan dalam kehidupan supaya tidak mudah tersasar dari landasan hidup. Saya juga merasakan buku ini sangat sesuai untuk bacaan umum kerana ia amat berfaedah dan sedikit sebanyak dapat membantu merubah ke arah menjadi insan yang lebih baik.

TEMPAT KEDUA

Kategori: Pengurusan dan Professional
 Nama: Mohd Dasuki Bin Sahak
 Tajuk: Forensik Kewangan



“ Mengikuti “Law of Attraction”, persekitaran di sekeliling memainkan peranan penting dalam mempengaruhi seseorang dalam merealisasikan matlamat kewangan. ”

MAKLUMAT BUKU

Judul Buku: **Forensik Kewangan: Bagaimana langkai hutang dan kumpul harta dengan pantas?**
 Pengarang: **Zaidi Ismail**
 Tahun terbit: **2019**
 Penerbit: **Galeri Ilmu Sdn.Bhd.**
 ISBN: **978-983-097-798-0**
 Bil. muka surat: **203**
 Bahasa: **Bahasa Malaysia**
 Kategori: **kewangan - individu**

ULASAN BUKU

Bilangan perkataan: **693 patah perkataan**

PENDAHULUAN

Buku ini ditulis oleh Tuan Zaidi Ismail, seorang usahawan, pelabur dan pengasas UrusInsan, sebuah komuniti dalam talian berkaitan celik kewangan. Berdasarkan maklumat pencapaian beliau dalam menguruskan pelaburan, sememangnya beliau berkelayakan untuk menulis buku seumpama ini yang bertajuk “Forensik Kewangan: bagaimana langkai hutang dan kumpul harta dengan pantas?”. Secara khususnya, menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan “forensik” biasanya digunakan dalam bidang perubatan bagi menentukan punca sesuatu kematian. Oleh itu, gabungan kedua-dua perkataan ini sebagai tajuk buku memudahkan pembaca mengetahui tentang topik buku ini.

ISI KANDUNGAN

Kandungan buku ini terbahagi kepada 10 bahagian utama. Di bahagian pengenalan, penulis memberi motivasi kepada pembaca tentang cara dan gaya hidup adalah pilihan kita sendiri tanpa perlu mengikut norma masyarakat umum.

Penulis memulakan bab satu buku ini mengenai persediaan mengurus kewangan. Antara yang menarik perhatian ialah asas kebebasan kewangan dan tip orang yang berjaya. Penulis menyatakan kekuatan, kelemahan dan tahap emosi seseorang merupakan faktor yang mempengaruhi pengurusan kewangan seseorang.

Seterusnya, penulis menerangkan tentang asas-asas kewangan dalam bab dua. Penulis menyatakan bahawa matlamat asas kewangan seseorang adalah merealisasikan impian menjadi realiti melalui pelan tindakan

kewangan yang jelas dan berkesan. Terdapat tiga matlamat asas kewangan dalam kehidupan iaitu keperluan hidup, persaraan dan harta untuk diwariskan.

Bab tiga, penulis menerangkan tentang kebebasan kewangan yang merangkumi definisi kebebasan kewangan, pilihan masa hadapan, jangan bertangguh dan tip ketika sengkek. Bagi penulis, kebebasan kewangan adalah ditafsirkan di mana seseorang bebas hutang dan boleh berbelanja ikut kemampuannya dan mempunyai pendapatan berterusan yang melebihi perbelanjaannya.

Penulis seterusnya memberi panduan kepada pembaca mengenai teknik menguruskan pinjaman/hutang dalam bab empat. Penulis menekankan bahawa pinjaman/ hutang mampu dilangsaikan segera sekiranya peminjam mempunyai ilmu dalam menanganinya seperti menggunakan alat kewangan iaitu pinjaman peribadi untuk menyelesaikan kesemua hutang. Walau bagaimanapun, keberkesanan alat ini tetap bergantung sepenuhnya dengan ilmu pengetahuan agar aliran tunai positif mampu dinikmati oleh peminjam.

Dalam bab kelima, penulis menerangkan topik mengenai pengurusan kewangan peribadi. Penulis memberi tip agar menguruskan kewangan tanpa melibatkan emosi. Penulis menyarankan pembaca agar tidak terkesan dengan orang-orang di sekeliling kerana yang menanggung beban kewangan adalah diri sendiri. Contoh persoalan yang sering kita hadapi dalam kehidupan seharian seperti “Apa orang kata nanti?” dan “Nanti anak-anak bising?”.

Penulis juga tidak ketinggalan memberi tip khusus bagi orang bujang dalam bab enam. Secara keseluruhannya, penulis menyarankan orang bujang untuk mengumpul seberapa banyak wang dan tidak membazir dalam usia ini. Ini kerana, orang bujang masih kurang tanggungjawab kewangan dan berpeluang luas membangunkan kerjaya.

Seterusnya, penulis berkongsi tentang pelaburan hartanah dan perniagaan dalam bab tujuh. Istimewa dalam bab ini, penulis turut menceritakan pengalaman beliau dalam pelaburan hartanah dengan ilmu yang sedikit sehingga mengakibatkan kerugian dan

kejayaan beliau bangkit selepas peristiwa.

Dalam bab lapan, penulis menerangkan tentang ilmu “Law of Attraction” dalam mendalami ilmu kewangan. Mengikuti “Law of Attraction”, persekitaran di sekeliling memainkan peranan penting dalam mempengaruhi seseorang dalam merealisasikan matlamat kewangan. Kejayaan seseorang bergantung sepenuhnya dengan kekuatan minda untuk berfikir sentiasa berjaya.

Selain mengenai tip dan kisah kejayaan, penulis juga menerangkan tentang topik gagal untuk berjaya dalam bab sembilan. Dalam bab ini, penulis menekankan tentang amalan pembaziran dari sudut kaca mata penulis terhadap amalan yang menjadi kebiasaan dalam masyarakat terutama semasa musim perayaan.


Akhir sekali dalam bab buku ini, penulis membincangkan tentang kaedah menganalisa kewangan peribadi melalui bab 10 yang bertajuk “Mengodam Kewangan Peribadi”. Bagi memudahkan pembaca memahami kaedah menganalisa kewangan peribadi, penulis menerangkannya melalui kajian kes dan jadual cara melangsaikan hutang.

KESIMPULAN

Tinjauan di Laman web Goodread, sebuah portal pencinta buku dari seluruh dunia mendapati ramai pembaca berpuas hati dengan buku ini. Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan dalam buku ini yang boleh diperbaiki seperti tiada senarai rujukan disediakan. Ini kerana, terdapat teori dan keratan akhbar yang dirujuk oleh penulis tanpa sebarang sitasi. Selain itu, terdapat gambar dan jadual disalin secara *print screen* telah mencacatkan buku ini. Akhir sekali, saya sebagai pembaca buku ini sangat mencadangkan buku ini dibaca oleh semua orang, terutama kepada pekerja di sektor awam yang dikategori sebagai “pekerja makan gaji”. Seperti sedia maklum, prestasi pekerja juga dipengaruhi dengan faktor peribadi termasuk pengurusan kewangan pekerja, selain daripada faktor persekitaran di tempat kerja. Oleh itu, ilmu pengetahuan dan pengalaman pengurusan kewangan yang amat diperlukan agar pekerja dapat menumpukan sepenuh perhatian di tempat kerja tanpa gangguan beban kewangan.

TEMPAT KETIGA

Kategori: Pengurusan dan Professional
 Nama: Norfaezah Binti Khomsan
 Tajuk: The Art of Letting God



“ Penyerahan diri kepada pencipta dan yakin bahawa sesungguhnya Dia ada bersama di setiap langkah. ”

Kepercayaan kepada Penciptanya akan menjadikan seorang insan itu lebih optimis dalam memandang kehidupan. ”

MAKLUMAT BUKU

Judul Buku: **The Art of Letting God**
 Pengarang: **Mizi Wahid**
 Tahun terbit: **2019**
 Penerbit: **IMAN Publication**
 ISBN: **97898324236683**
 Bil. muka surat: **149**
 Bahasa: **Bahasa Inggeris**
 Kategori: **Motivasi – Islam**

ULASAN BUKU

Bilangan perkataan: **562 patah perkataan**

PENDAHULUAN

Buku The Art of Letting God ini ialah sebuah buku perjalanan spiritual untuk pulang kepada Pencipta. Gaya Bahasa yang digunakan juga adalah Bahasa Inggeris yang mudah namun terdapat juga perkataan yang rumit tetapi memberi makna yang mendalam. Buku ini sesuai untuk semua peringkat umur dan boleh dijadikan sebagai salah satu buku biblioterapi bagi penyembuhan jiwa dan minda pembaca. Penulis merupakan pengasas Safinah Institute yang memberikan pendidikan agama dan motivasi. Terdapat contoh-contoh kes semasa yang dikaitkan di dalam buku ini yang membuatkan pembaca dapat memahami dan mendalami objektif utama yang cuba disampaikan oleh penulis.

ISI KANDUNGAN

Tajuk buku ini The Art of Letting God pada mulanya dilihat *straight to the point*. Namun penjelasan penulis di dalam buku ini menjadikan ia sebuah buku yang boleh dibaca secara berulang-ulang dan mempunyai kesan yang berbeza kepada setiap individu. Buku ini mengajak pembaca untuk menghadapi masalah dan isu kehidupan dengan bersikap

realistik dengan memahami asal wujud masalah dalam kehidupan. Penulis merungkai punca kebanyakan individu yang mula berputus asa dalam kehidupan dan ada yang sentiasa diburu perasaan marah atau bersalah baik di dalam kehidupan peribadi atau kerjaya. Penulis menggunakan ayat-ayat motivasi untuk mendekatkan diri dengan pembaca dan memberi semangat kepada pembaca mendekati diri dengan Tuhan. Segala masalah yang dihadapi oleh individu perlu diterima dengan matang dan perlu sentiasa mencari hikmah di dalam setiap ujian.

Penulis menekankan konsep ‘*surrender*’ iaitu penyerahan. Penyerahan mutlak ialah penyerahan diri kepada Tuhan. Yakin akan masa dan ketetapan Pencipta yang sentiasa kasih akan hambaNya. Dengan melepaskan apa yang tidak boleh diubah, individu dibawa melihat ke suatu dimensi baharu untuk percaya dan terus memandang ke hadapan dengan membuat perubahan ke arah yang lebih baik. Setiap sesalan harus disulami dengan doa dan bukan dengan sikap menyalahkan diri sendiri, situasi atau orang lain.

Penulis seterusnya membawa pembaca kepada konsep kemaafan. Maaf itu diberi untuk pembebasan diri sendiri dan hukuman itu bukanlah di tangan manusia sebaliknya pada Pencipta. Jangan bertindak menghukum atau menganiaya dan sentiasalah bersyukur dengan pemberian-Nya. Masa silam yang tidak dapat diubah kadangkala menjadikan seseorang itu terus melihat masa depan dengan suram, namun penulis mendorong pembaca untuk sentiasa mulakan kehidupan yang baru kerana terdapat banyak perkara untuk disyukuri. Terlalu banyak alasan

yang boleh digunakan untuk seseorang itu membiarkan dia terus dihambat dengan masa lampau namun penulis sentiasa memujuk pembaca untuk *let go and let god*.

Apabila kita dapat melepaskan bebanan atau perasaan negatif di dalam diri, kita akan merasa suatu perasaan yang sangat tinggi. Diri seseorang akan dipenuhi tenaga positif untuk membaiki diri dan terus melangkah ke masa hadapan. Penyerahan diri kepada Pencipta dan yakin bahawa sesungguhnya Dia ada bersama di setiap langkah kita akan mampu menjadikan seseorang insan memandang kehidupan dari sebuah dimensi yang berbeza. Kepercayaan kepada Penciptanya akan menjadikan seorang insan itu lebih optimis dalam memandang kehidupan.

KESIMPULAN

Buku ini berupaya memberi nafas baru kepada pembacanya. Di usia remaja atau dewasa namun kita mempunyai sesalan atau pengalaman yang tidak dapat kita lupakan. Namun, tanpa kita sedar, kita sudah pun melalui detik itu dan dengan bantuan Pencipta juga kita berada di mana kita berada sekarang. Buku ini sesuai untuk pembaca yang sedang mengalami konflik di alam perkerjaan untuk menghasilkan seorang pekerja yang produktif dan mampu melihat sisi baik setiap situasi. Buku ini secara tidak langsung mendorong seseorang pekerja untuk berfikir terbuka dan positif ketika dilanda masalah. Perasaan bersangka baik terhadap sesama insan, terutamanya rakan sekerja dan penyelia akan membantu memberikan suasana kerja yang harmoni dan saling bekerjasama.

TEMPAT PERTAMA

Kategori: Pelaksana
 Nama: Nabilah Huda binti Pa'su
 Tajuk: S.M.I.LE



“
 Semakin dewasa kita, semakin banyak tanggungjawab yang akan kita pegang dan semakin banyak kita bergaul dengan kenalan baru, semakin banyak ilmu yang akan kita peroleh.”

MAKLUMAT BUKU

Judul buku: **S.M.I.LE: Skil, Motivasi, Inspirasi, Luar Biasa, Elegan**
 Pengarang: **Irma Hasmie, Zamri Mohamad**
 Tahun diterbitkan: **2012**
 Penerbit: **PTS Millennia Sdn. Bhd.**
 ISBN: **9789674110536**
 Bil. muka surat: **128**
 Bahasa: **Bahasa Melayu**
 Kategori: **Motivasi**

ULASAN BUKU

Bilangan perkataan: **493 patah perkataan**

PENDAHULUAN

Melihat pada tajuk sahaja sudah membuatkan pembaca tersenyum. Pengarang bijak mengadaptasikan perkataan S.M.I.LE. dengan ciri-ciri yang memberi motivasi dan sesuai dengan kehendak pembaca. Hal ini memberi dorongan kepada pembaca untuk menggali isi kandungan naskhah ini. Di sebalik senyuman terkandung seribu satu makna yang berbeza kepada setiap insan. Senyuman adalah satu pemulaan dalam sesebuah komunikasi bagi sang pemberi dan sang penerima.

ISI KANDUNGAN

S.M.I.LE. adalah sebuah tinta motivasi yang mengandungi 16 buah cerita pendek namun sarat dengan ilmu positif dan memberi dorongan kepada para pembaca untuk membuat kebaikan. Naskhah ini diterapkan dengan teknik penceritaan semula berdasarkan kisah benar dan hasil daripada pengalaman yang dialami oleh pengarang sendiri. Irma Hasmie dan Zamri Mohamad bijak membuatkan pembaca terus leka dengan

cerita-cerita yang dikisahkan di samping gaya penceritaan yang santai dan mudah untuk difahami. Setiap kisah yang disampaikan adalah berbeza namun mempunyai nilai yang hampir sama iaitu positifkan diri dan perbaiki diri.

Setiap kisah yang dipaparkan tidak mempunyai konflik yang keterlaluan dan terus kepada maksud yang ingin dikongsikan. Setiap kisah ini adalah umpama kisah sampingan yang mungkin pernah berlaku dalam diri setiap daripada kita. Yang membezakan adalah sejauh mana kita mengambil pengajaran daripada pengalaman tersebut. Terdapat pelbagai ilmu kemasyarakatan yang dikongsikan oleh pengarang seperti contoh insurans sosial yang mana kita mengambil dengan tali silaturahmi dan kata-kata yang dianggap kecil maknanya tetapi mampu merubah hidup seseorang mengikut cara pentafsiran masing-masing. Naskhah ini ditatari dengan ilustrasi yang ringkas dan bersesuaian dengan setiap tajuk yang dikisahkan. Ia tidak memerlukan penggunaan warna yang banyak sebaliknya penggunaan corak kotak yang digunakan membahagikan maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang.

KESIMPULAN

Benarlah kata pujangga, tak kenal maka tak cinta. Jika tidak dibaca naskhah ini, manakan dapat pengajarannya. Naskhah ini menerangkan bahawa semakin dewasa kita, semakin banyak tanggungjawab yang akan kita pegang dan semakin banyak kita bergaul dengan kenalan baru, semakin banyak ilmu yang akan kita peroleh. Hal ini demikian


kerana setiap orang akan melalui pengalaman hidup yang berbeza.

Rakan-rakan di alam pekerjaan adalah berbeza dengan rakan-rakan yang kita kenali semasa di alam persekolahan. Perkenalan dengan rakan baru tidak perlu mengira peringkat umur dan adalah lebih baik jika kita dapat mengenali mereka tanpa perlu menjangkakan pangkat dan darjat mereka pada masa akan datang. Dalam erti kata lain, kita perlu berani membina insurans sosial dan jalinan silaturahmi yang ikhlas untuk mengukuhkan tali persaudaraan. Dalam kita sibuk bekerja, kita juga perlu luangkan masa mengenali jiran kita dan melibatkan diri dalam aktiviti kejiwaan kerana kelak jika kita dalam kesusahan, mereka antara orang terawal yang akan menghulurkan bantuan.

Selain itu, pengarang menekankan bahawa ucapan salam dan senyuman mampu mengubah emosi seseorang. Memberi salam adalah bahasa syurga. Apabila kita memberi salam, seolah-olah memberi gambaran bahawa kita sedar akan kewujudan orang lain dan membuatnya berasa dihargai. Menjadi orang yang mula-mula memberi salam juga dapat memberi petanda bahawa kita adalah seorang yang positif dan berfikiran terbuka. Amalan ini kita boleh praktikan bermula di tempat kerja kerana tempat kerja adalah tempat yang paling kerap kita pergi dan berjumpa dengan pelbagai jenis lapisan masyarakat.

TEMPAT KEDUA

Kategori: Pelaksana
 Nama: Junaini binti Mohd Yusof
 Tajuk: Pengurusan Rekod dan Maklumat



“
 ... information is the oxygen of the modern age. It seeps through the walls topped by barbed wire, it wafts across the electrified borders.”

-Ronald Reagan
 (Perdana Menteri Amerika Syarikat)

MAKLUMAT BUKU

Judul Buku: **Pengurusan Rekod dan Maklumat: Isu dan Cabaran**
 Pengarang: **Zawiyah Mohammad Yusof**
 Tahun diterbitkan: **2015**
 Penerbit: **Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia**
 ISBN: **978-967-412-294-2**
 Bil. muka surat: **92**
 Bahasa: **Bahasa Melayu**
 Kategori: **Maklumat, ilmiah dan fakta**

ULASAN BUKU

Bilangan perkataan : **483 patah perkataan**

PENDAHULUAN

Sebagai mukadimah, penulis memetik kata-kata mantan perdana menteri Amerika Syarikat iaitu Ronald Reagan yang menyebut "... information is the oxygen of the modern age. It seeps through the walls topped by barbed wire, it wafts across the electrified borders." Reagan begitu peduli tentang maklumat, sehingga berpendapat organisasi tidak dapat bertahan dan berkembang dengan baik tanpanya. Kebergantungan organisasi kepada maklumat menggambarkan kuasa yang ada pada maklumat sehingga dapat menentu jatuh bangun sesebuah organisasi malah kedaulatan sesebuah negara.

Buku ini mengupas tentang governans maklumat secara umum sebelum memfokus kepada isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan rekod dan maklumat

(PRM). Buku ini membicarakan perbezaan di antara negara maju dan negara membangun berkaitan undang-undang dan tanggungjawab dalam melindungi dan memelihara rekod dan maklumat.

ISI KANDUNGAN

Buku yang berjumlah 92 halaman ini mengupas dan menghuraikan berkenaan pengurusan rekod dan maklumat : isu dan cabaran. Dalam mengupas dan menghurai isu-isu tersebut penulis membawakan maklumat, rujukan dan data ilmiah melalui persembahan dan gaya bahasa yang cukup mudah difahami oleh setiap lapisan pembaca dan menarik untuk dibaca.

Ia dibahagikan kepada 12 bahagian. Iaitu Apakah itu rekod dan maklumat?, Kemunculan bidang pengurusan rekod dan maklumat, Mengurus rekod dan maklumat, Pengurusan rekod dan maklumat dalam sains bidang maklumat, Rekod dan maklumat sebagai aset, Rekod dan maklumat lawan teknologi maklumat, Pengurusan rekod dan maklumat dan inisiatif e-kerajaan, Pengurusan rekod dan maklumat:tuntutan anjakan paradigma, Cabaran, halatuju dan harapan dalam bidang pengurusan rekod dan maklumat di Malaysia, Rekod dan maklumat memperkasa dan meningkat daya saing, Wawasan 2020 dan akhir sekali adalah Peranan pengurusan rekod. Penulis turut menyertakan 5 gambarajah iaitu gambarajah governans maklumat, Bidang utama governans, Komponen governans

maklumat, Rangkuman bidang maklumat dan Kitar hayat rekod bagi memudahkan lagi pemahaman pembaca.

KESIMPULAN

Buku ini digarap dengan baik secara ilmiah oleh penulisnya, kerana penulis sendiri adalah merupakan seorang yang berwibawa dalam bidangnya. Dengan memetik kata-kata seorang tokoh ternama dalam bidang maklumat, Harrison Mwakyembe. Menurutnya "Without access to information there is no transparency; without transparency there is no accountability and without accountability there is no democracy." Begitu besar pengaruh maklumat kepada kehidupan manusia. Maklumat dalam rekod boleh menjadi penyelamat dan juga musuh jika jatuh kepada pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu maklumat hendaklah diurus dengan sebaik-baiknya. Meskipun maklumat itu penting dan pengurusannya adalah genting, namun kurang mendapat keutamaan yang tinggi dalam organisasi lantaran memberi perhatian kepada perkara yang dirasakan lebih mendesak. Justeru itu buku ini sangat disyorkan untuk dibaca kerana dapat memberikan maklumat yang berguna dan dapat meningkatkan lagi ilmu pengetahuan, sekurang-kurangnya dapat mencetuskan kesedaran dan melahirkan masyarakat yang cakna tentang pentingnya pengurusan rekod dan maklumat.

TEMPAT KETIGA

Kategori: Pelaksana

Nama: Wan Mustaqimah binti Mohd Mazuky

Tajuk: Anak Muda Bebas Hutang



“Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “ Bukanlah kekayaan itu harta yang melimpah, tetapi kekayaan (yang sebenar-benarnya) adalah kaya jiwa.”

MAKLUMAT BUKU

Judul Buku: **Anak Muda Bebas Hutang**
Pengarang: **Dr. Haji Badrul Hisham Mohd Yusoff**
Penerbit: **PTS Publishing House Sdn. Bhd**
ISBN: **978-967-481-228-7**
Bil. muka surat: **120**
Bahasa: **Bahasa Melayu**
Kategori: **Hutang; Kewangan Peribadi**

ULASAN BUKU

Bilangan Perkataan: **652 patah perkataan**

PENDAHULUAN

Pada zaman ini semua orang pasti akan mempunyai hutang. Realiti dalam hidup, ramai yang gagal, ramai yang bankrap, ramai hidup musnah kerana gagal mengurus hutang. Hendak tahu dan pandai mengurus hutang haruslah ada ilmu. Salah satu cara untuk mendapatkan ilmu cara mengurus hutang adalah dengan memiliki hasil penulisan Dr. Haji Badrul Hisham Mohd Yusoff ini kerana ia sangat relevan untuk semua golongan terutamanya graduan yang baru memasuki alam pekerjaan mahupun anak muda yang sudah berkeluarga dan bekerja. Paling tidak, selepas membaca isi kandungannya kita akan mendapat solusi dan beberapa idea bagaimana untuk mengurus hutang agar dapat mengelakkan diri dari belunggu hutang-piutang yang membebaskan.

ISI KANDUNGAN

Terdapat lapan bab utama yang diutarakan penulis, di mana ia mengandungi beberapa formula, tip, teknik, nota, dan perkongsian pengalaman untuk golongan muda khususnya supaya bebas daripada belunggu hutang. Gambarajah serta jadual yang ringkas dan interaktif menjadikan buku ini mudah dibaca dan dihayati oleh pembaca. Pengalaman penulis banyak mengajar bahawa tidak ada jalan yang singkat dalam mencapai kebebasan kewangan yang diinginkan.

Di awal bab 2, penulis berkongsi formula

menabung yang terbaik dan tujuh langkah untuk memulakan hidup bebas hutang walau apapun keupayaan status kewangan seseorang. Antaranya ialah mula menyimpan dana kecemasan sebanyak RM1000, membuat simpanan yang bersamaan dengan perbelanjaan 3 hingga 6 bulan dan membuat pelaburan untuk dana persaraan sekurang-kurangnya 15% daripada pendapatan.

Sumber daripada petikan ayat Al-Quran, hadis dan kata-kata hikmah yang diselitkan adalah satu pendekatan yang menarik, sekaligus dapat membuatkan pembaca berfikir sejenak serta memberikan inspirasi apabila mengaitkan sesuatu topik itu dari perspektif Islam. Di antara petikan kata-kata dan hadis yang sangat menusuk jiwa adalah:

Nabi Muhammad SAW pernah bersabda: “Roh orang Mukmin akan tergantung dengan sebab hutangnya sehingga diselesaikan hutang tersebut” (Hadis diriwayatkan oleh Ahmad, Al Tirmizi, Ibn Majah & Al-Hakim). “Seseorang pekerja apabila ia mentaati Allah dan majikannya, nescaya ia masuk ke dalam syurga lebih dahulu dari majikannya selama 70 tahun”. (Hadis direkodkan oleh At-Thabrani) Orang yang kaya sebenarnya adalah orang yang kaya jiwanya iaitu tidak bakhil atau kedekut. Rasulullah s.a.w. berkata yang bermaksud, “ Bukanlah kekayaan itu harta yang melimpah, tetapi kekayaan (yang sebenar-benarnya) adalah kaya jiwa.”

Sejak kebelakangan ini, isu mufis di kalangan anak muda amat membimbangkan. Kebanyakan lepasan graduan terikat dengan hutang pinjaman pelajaran, hutang sewa beli kenderaan dan kad kredit yang membebaskan. Terdapat beberapa tips berguna dan saranan dari penulis berkaitan hutang-hutang tersebut dalam pertengahan bab buku ini. Antaranya menambahkan pengetahuan dalam pendidikan dan perancangan kewangan yang baik, berbelanja mengikut kemampuan, banyakkkan berdoa memohon rezeki yang halal dan baik

daripada Allah swt dan membuat hutang sihat iaitu membuat pinjaman untuk menambahkan aset (seperti rumah, saham etc.)

Kaedah Snow ball Debt Settlement adalah salah satu teknik daripada beberapa pakar kewangan di mana ia memberi penekanan bagi menyelesaikan baki hutang yang paling minima terlebih dahulu turut dihuraikan dengan mendalam oleh penulis dalam Bab 5 supaya dapat dipraktikkan dan dijadikan panduan pembaca. Melalui pembacaan buku ini, ia dapat memberi idea bagaimana untuk kita keluar daripada belunggu masalah keterhutangan yang serius disamping membentuk kehidupan dan keluarga yang bahagia dan bersederhana dalam berbelanja. Bak kata pepatah, ukurlah baju di badan sendiri.

Di pengakhiran bab buku ini, pembaca didedahkan dengan salah satu aspek penting dalam pengurusan kewangan iaitu pengurusan risiko dan perlindungan harta atau sumber kewangan. Salah satu instrumen kewangan yang sesuai untuk melindungi hutang kita adalah takaful. Empat takaful yang difokuskan ialah takaful nyawa, perubatan, rumah dan motor (kenderaan). Kewajipan menunaikan zakat dan amalan bersedekah juga turut ditekankan di akhir bab buku ini.

KESIMPULAN

Buku ini sangat menarik dan bagus dijadikan sebagai salah satu bahan biblioterapi. Pengurusan hutang yang bijak dan pelbagai ilmu kewangan yang diperoleh melalui penulisan buku ini sangat penting serta sesuai untuk dipraktikkan oleh semua golongan terutamanya anak muda agar dapat menjalani kehidupan tanpa hutang sekaligus memberi ketenangan fikiran dan perasaan. Akhir kata memetik kata-kata penulis, “ramai orang menyangka bahagia itu apabila kaya dan banyak harta tetapi sebenarnya harta itu cuma alat dan bahagia adalah matlamat. Ramai juga orang tidak bahagia walaupun mempunyai banyak harta.”

Pilihanraya Jawatankuasa Induk Kelab PSAS 2021/2023


Serdang, 25 Februari - Jawatankuasa Induk Kelab Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) 2018/2020 secara rasmi telah dibubarkan pada 31 Disember 2020. Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Protem PSAS 2021 telah dibentuk berkuatkuasa mulai 25 Januari sehingga 25 Februari 2021 bagi menyelaras aktiviti Pilihanraya Jawatankuasa Induk Kelab PSAS 2021/2023. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Puan Fatimah Zahrah@Aishah Amran dandibantu oleh Puan Siti Khairiah Yusof, Puan Junaini Mohd Yusof, Puan Najah Mohd Ali, Puan Raja Norazlinda Raja Azenam, Encik Badrul Hisham Basro dan Encik Mohamad Amirul Iqmal Mohamad Badrul Zaman.

Oleh kerana Tempoh Kawalan Pergerakan (PKP) sedang berkuatkuasa dalam negara, segala proses pilihan raya dilakukan sepenuhnya secara dalam talian. Proses pilihanraya dijalankan seperti berikut:

1. Proses Penamaan Calon : 3 - 14 Februari 2021
2. Calon Berkempen : 16 - 24 Februari 2021
3. Hari Mengundi : 25 Februari 2021

Proses penamaan calon dan hari mengundi dilaksanakan secara dalam talian menggunakan format borang “Google Form” . Jumlah peratusan staf PSAS mengundi adalah seramai 113 orang (79.6%). Semua staf PSAS adalah layak mengundi dan berikut adalah keputusan rasmi Pilihanraya Jawatankuasa Induk Kelab PSAS 2021/2023.

Tahniah diucapkan kepada AJK yang baharu dilantik.



Oleh Siti Khairiah Yusof

Perginya Sebutir Permata PSAS

Seluruh warga PSAS menerima perkhhabaran duka pemergian Allayarham Encik Sahari Bin Kassim pada 21 March 2021.

Majlis Bacaan Yassin, Tahliil dan Doa Selamat untuk beliau telah diadakan secara maya pada 22 Mac 2021 (Isnin).

Bacaan Yassin diketuai oleh wakil Sahabat Masjid UPM iaitu Ustaz Muinnudin Bin Mohd Kamal dan disertai oleh 50 orang warga PSAS. Warga PSAS sangat berbesar hati kerana majlis Bacaan Yassin kali ini turut dihadiri oleh anak saudara Allahyarham iaitu Encik Remi dan Encik Sazli.

Sebelum mengakhiri majlis Bacaan Yassin tersebut, Tuan Haji Shaifol Yazam Bin Mat, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PSAS mewakili seluruh warga PSAS telah memberi sedikit ucapan dan mengucapkan salam takziah kepada keluarga Allahyarham. Semoga Allahyarham ditempatkan dalam kalangan para Solihin. Sesungguhnya seluruh warga PSAS berasa amat terkesan atas pemergian Allahyarham Encik Sahari bin Kassim.

Oleh Sakinah Sariff



Foto: Sumber Pusat Islam Universiti, UPM

Staf Baharu/Bersara (2020/2021)

NAMA / JAWATAN	TARIKH LAPOR DIRI	PENEMPATAN	NAMA / JAWATAN	TARIKH BERSARA	BAHAGIAN
En. Mohd Hafiz Yazizi Zholkipli Pembantu Operasi N11	11/01/2021	Pejabat Ketua Pustakawan	En. Shafarunizam Muhamad Pembantu Operasi N11	10/02/2021	Bahagian Perkhidmatan Pengguna
Pn. Nurul Aida Jamil Pembantu Pustakawan S19	21/09/2020	Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan Maklumat	Pn. Siti Razimah Mohd Noor Timbalan Ketua Pustakawan S52	27/02/2021	Bahagian Terbitan Bersiri
En. Mohd Noor Adha Ramli Pembantu Pustakawan S19	21/09/2020	Bahagian Perkhidmatan Pengguna	Pn. Noraini Daud Pemb. Pustakawan Kanan S22	08/05/2021	Perpustakaan Kejuruteraan dan Seni Bina
En. Zulhimi Zakaria Pembantu Pustakawan S19	21/09/2020	Bahagian Perkhidmatan Pengguna			
Pn. Sakinah Sariff Pembantu Pustakawan S19	01/10/2020	Pejabat Ketua Pustakawan			

PROJEK NAIK TARAF

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



RM700,000 diperlukan

Kutipan terkini **RM 74,000**

RM626,000
baki yang diperlukan sebelum
31 Disember 2020

Sumbangan anda diperlukan:



Terdapat **62,600** unit saham wakaf dengan harga **RM10** setiap satu.

Sumbangan RM10 anda memberi makna baru kepada perpustakaan.



Perpustakaan Sultan Abdul Samad terdiri daripada dua blok bangunan (Blok A dan Blok B). Pada tahun ini, blok pertama iaitu Blok B telah pun mencapai usia **49 tahun** (1969-2018) dan blok kedua iaitu Blok A telah berusia **35 tahun** (1982-2018). Ruang sedia ada kelihatan konvensional serta terdapat kemudahan fizikal yang usang dan uzur serta tidak lagi dapat memenuhi keperluan pengguna perpustakaan pada masa kini.

Pada ketika ini, pelajar UPM merupakan generasi baharu yang lebih menyukai suasana pembelajaran yang lebih santai, moden, terbuka dan kolaboratif. Oleh itu, projek ini akan direka bentuk mengikut konsep "**Learning Common**" dan **Revolusi Industri 4.0** (IR 4.0) bagi memenuhi keperluan semasa.


KAPASITI PENGUNJUNG PURATA: 707,653 setahun

Contoh-Contoh Rekabentuk Dalam Ruang Perpustakaan Dalam dan Luar Negara

Sumber: Learning Commons Dari Luar Negara, Perpustakaan UniMAP, Perpustakaan MMU dan Perpustakaan Perbadanan Awam Selangor



RUANG BACAAN



RUANG PERBINCANGAN

CARA MENYUMBANG:

1. Layari <https://paygate.upm.edu.my>
 2. Klik 'Buat Bayaran'
 3. Di menu pilihan, pilih 'WAKAF ANJUNG ILMU @ LIBRARY UPM'
 4. Lengkapi maklumat yang diperlukan
 5. Klik 'Bayar'
- *Resit akan dihantar ke email penyumbang

SUMBANGAN ANDA MELAYAKKAN PELEPASAN CUKAI

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:

Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (Wazan)
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603 9769 8993/6156
+603 9769 2048
wazan@upm.edu.my

Jom Menyumbang

ISSN 1675-4806



JUN 2021